

Keldai akaun didenda RM500

MIRI: Seorang keldai akaun didenda RM500 atau dua minggu penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam atas kesalahan memiliki sejumlah wang yang diperolehi secara tidak sah.

Alvin Dominic, 33, dari Batu 13, Jalan Kuching-Serian, telah didakwa mengikut Seksyen 37 (1) Ordinan Kesalahan-Kesalahan Kecil 1958 (Sarawak) yang memperuntukkan hukuman penjara hingga tiga bulan dan denda maksimum RM500 jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati telah memiliki wang berjumlah RM500 di dalam akaunnya yang diperolehi secara tidak sah.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 11.14 pagi, 31 Mac 2023 di sebuah bank di Jalan Merbau di sini.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Muhamad Ali Hussain manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.